



**MAKLUMAN TERKINI
PENANGGUHAN AKTIVITI PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN (PdP)
BAGI PELAJAR YANG MASIH TERJEJAS
BERIKUTAN MUSIBAH BANJIR**

1. Pengurusan UniSZA mengambil maklum mengenai kesan bencana banjir yang melanda negara dan belum pulih sepenuhnya. Atas dasar kecaknaan dan keprihatinan terhadap kebajikan pelajar, UniSZA memberi kebenaran **kepada pelajar yang masih terkesan dengan bencana banjir untuk tidak turut serta dalam aktiviti pembelajaran dan pengajaran secara normal**. Namun, mereka perlu berusaha untuk **menyelesaikan aktiviti PdP tersebut seperti melalui pembelajaran secara asynchronous, sesi pembelajaran berasingan, pelanjutan tempoh serahan tugas dan seumpamanya mengikut budi bicara fakulti atau pensyarah kursus**. Pelajar yang terkesan perlu memberi maklumat kepada pihak fakulti masing-masing bagi perkara ini.
2. Bagi pihak seluruh warga universiti, Pengurusan Tertinggi UniSZA merakamkan rasa simpati dan mendoakan agar semua pelajar UniSZA dan keluarga yang terkesan oleh bencana banjir ini dipermudahkan urusan, dikurniakan kesabaran, dan dilindungi daripada perkara yang tidak diingini.
3. Para pelajar UniSZA yang terkesan dengan banjir dan memerlukan bantuan boleh menghubungi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) di talian 09-6687945 (Puan Norsuhaila) dan 09-6687811 (Puan Siti Aminah) dan juga boleh menghubungi pihak fakulti masing-masing.

Sekian, terima kasih.

Pejabat Naib Canselor
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)
27 Disember 2021